



**KAJIAN KES LKAN
2015 BAGI
PELAKSANAAN PROJEK
OLEH KKR/JKR
MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH :

BAHAGIAN AUDIT & INTEGRITI
CAWANGAN DASAR & PENGURUSAN KORPORAT
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2015

Pengauditan Terhadap Pembinaan Pusat Servis
Teknikal(STC) Bagi Penyenggaraan Dan Pembaikan
Pesawat Sukhoi SU-30MKM DI Pangkalan Udara TUDM
Gong Kedak, Terengganu.(KEMENTERIAN PERTAHANAN)



KANDUNGAN PEMBENTANGAN

1) Pengenalan

- i. Latar Belakang
- ii. Objektif
- iii. Skop
- iv. Metodologi

2) Penemuan Audit

3) Isu & Penemuan

4) Syor Audit

5) Penambahbaikan Jabatan Selepas Teguran Audit Negara



1) PENGENALAN



LATAR BELAKANG RINGKAS

- Pusat Servis Teknikal(STC) merupakan pusat penyenggaraan dan pembaikan barisan kedua bagi pesawat pejuang Sukhoi SU-30MKM. Projek pembinaan STC dilaksanakan untuk memastikan pesawat pejuang Sukhoi sentiasa berada pada tahap yang optimum untuk misi operasi dan latihan.
- Projek ini telah dimasukkan ke dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) tahun 2015

OBJEKTIF PEMBENTANGAN

- Bertujuan bagi melihat isu-isu yang telah difokus dan diberi keutamaan oleh pasukan penyiasat Jabatan Audit Negara (JAN) terhadap projek ini.

SKOP

- Skop kajian kes bagi pembentangan ini adalah berdasarkan sumber LKAN dan Laporan siasatan.

SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek Pembinaan Pusat Servis Teknikal(STC) bagi Penyelenggaraan dan Pembaikan Pesawat SU-30MKM untuk TUDM , Gong Kedak, Terengganu bermula tahun 2014 hingga bulan Jun 2016.

METODOLOGI

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan. Selain itu, lawatan, pemeriksaan dan temu bual pegawai juga telah diadakan di lokasi projek.

PROSES AUDIT BAGI LKAN

- Audit Dijalankan oleh Jabatan Audit Negara.
- Penemuan Audit.
- Maklumbalas Audit ke Jabatan Audit Negara bagi Penemuan Audit.
- *Pre Council* oleh KSU KKR.
- *Exit Conference* Maklumbalas Audit oleh Jabatan Audit Negara.
- *Confirmatory Letter* (CL) dikeluarkan sebelum dibentangkan di Parlimen.
- Laporan Ketua Audit Negara dikeluarkan dan dibahaskan di Parlimen.



2) PENEMUAN AUDIT

Bil	Projek	Penemuan Audit
1	Pembinaan Pusat Servis Teknikal(STC) Bagi Penyelenggaraan Dan Pembaikan Pesawat Sukhoi SU-30MKM DI Pangkalan Udara TUDM Gong Kedak, Terengganu.(K EMENTERIAN PERTAHANAN)	i. Pelantikan kontraktor utama yang tidak layak dan mempunyai masalah kewangan menjejaskan projek ii. Lanjutan masa kedua(EOT 2) telah diluluskan selepas Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap Kerja (CNC) dikeluarkan iii. Kelewatan pembayaran tuntutan kemajuan kerja antara 10 hingga 72 hari iv. Kualiti kerja pembinaan tidak memuaskan v. Kerja-kerja pembinaan tidak mengikut lukisan arkitek



LATARBELAKANG PROJEK

3. PROJEK PEMBINAAN PUSAT SERVIS TEKNIKAL (STC) DI PANGKALAN UDARA TUDM GONG KEDAK, TERENGGANU

Butiran Kontrak

Pemilik Projek	Kementerian Pertahanan (MINDEF)
Agensi Pelaksana	Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (CKIP), Ibu Pejabat JKR Malaysia
Kaedah Perolehan	Tender Terhad
Kaedah Pembinaan	Reka & Bina
Kontraktor Utama	Sharikat Pembinaan Setia Jaya Sdn Bhd (SPSJ)
Kos Siling	RM73 Juta
Harga Kontrak	RM71,492,694.03
Kos Semasa	RM71,207,901.17
Tarikh Surat Setuju Terima (SST)	10/03/2014
Tarikh Milik Tapak	24/03/2014
Tarikh Siap Asal	20/09/2015
Tarikh Siap Semasa	29/08/2016
Bil. EOT (Hari)	3 (344 hari)

LATAR BELAKANG

- Pusat Servis Teknikal(STC) merupakan pusat penyenggaraan dan pembaikan barisan kedua bagi pesawat pejuang Sukhoi SU-30MKM. Penubuhan STC merupakan sebahagian daripada obligasi Kerajaan dalam program timbalbalas perolehan pesawat Sukhoi yang merangkumi pembekalan peralatan pesawat. Kesemua peralatana timbalbalas telah diterima sepenuhnya. Projek pembinaan STC dilaksanakan untuk memastikan pesawat pejuang Sukhoi sentiasa berada pada tahap yang optimum untuk misi operasi dan latihan.
- Pada bulan Januari 2012, Unit Perancang Ekonomi(UPE) telah meluluskan projek pembinaan STC dengan siling projek berjumlah RM73 juta di bawah Rolling Plan kedua Rancangan Malaysia Kesepuluh(RMKe-10) Ia melibatkan kos pembinaan sejumlah RM65 juta dan kos peralatan Special Equipment sejumlah RM 8 juta.
- Kementerian Kewangan (MOF) telah melantik Sharikat Pembinaan Setia Jaya Sdn. BHd.(SPSJ) sebagai kontraktor dengan nilai kontrak berjumlah RM 71.49 juta secara Reka dan Bina. Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada 10 Mac 2014 dan kontrak telah ditandatangani pada 7 Julai 2014 dengan tempoh kontrak selama 78 minggu mulai 24 Mac 2014 hingga 20 September 2015. Kementerian Pertahanan (Kementerian) telah melantik Jabatan Kerja Raya(JKR) sebagai Agensi Pelaksana pada 15 April 2013.
- Komponen projek pembinaan STC merangkumi bangunan hangar, ADZ Bay, POL Store, garaj AGSV/E, Shelter, Ramp service, Apron area dan perolehan Special Equipment.



3) Isu dan Penemuan

PENEMUAN AUDIT

1. Prestasi Fizikal Tidak Memuaskan

2. Pelantikan Kontraktor Yang Tidak Layak Dan Mempunyai Masalah Kewangan

3. Lanjutan Masa Lewat Diperakukan

4. Kualiti Pembinaan Tidak Memuaskan


5. Kerja Pembinaan Tidak Mengikut Lukisan Kerja



1. Prestasi Fizikal Tidak Memuaskan

Sebab-Sebab	Hasil Penemuan Audit
Prestasi Fizikal Tidak Memuaskan	Prestasi kemajuan kerja pembinaan dalam tempoh 10 bulan pertama iaitu dari bulan Mac 2014 hingga bulan Disember 2014 adalah tidak memuaskan kerana kemajuan kerja hanya mencapai 3.3% berbanding sepatutnya 39.1% mengikut jadual kerja sebenar.

GRAF 1 :PRESTASI KEMAJUAN KERJA





2. BAYARAN KEMAJUAN PROJEK

Sebab-Sebab	Hasil Penemuan Audit
Bayaran Kemajuan Projek Lewat	Semakan Audit terhadap bayaran interim, Sijil perakuan bayaran dan baucar bayaran mendapati 3 bayaran interim lewat dibuat kepada kontraktor dengan kelewatan antara 10 hingga 72 hari

JADUAL 4 KELEWATAN PEMBAYARAN KEPADA KONTRAKTOR

INTERIM	TARIKH PENILAIAN YANG DIPERAKUKAN	TARIKH BAYARAN	AMAUN (RM Juta)	KELEWATAN
1	17.06.2014	01.10.2014	3.37	72 HARI
2	14.10.2014	24.11.2014	0.76	10 HARI
22	07.03.2016	22.04.2016	0.89	15 HARI



3. Pelantikan Kontraktor

Sebab-Sebab	Hasil Penemuan Audit
Pelantikan Kontraktor Yang Tidak Berkelayakan	Pemilihan kontraktor yang tidak berkelayakan telah menyebabkan projek STC mengalami kelewatan dan projek gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan Pada pendapat Audit, projek ini sepatutnya ditender semula selepas kesemua syarikat gagal dalam penilaian tender. Alasan kesegeraan projek tidak seharusnya dijadikan sebab untuk melantik syarikat yang tidak berkeupayaan menjalankan projek yang akhirnya menyebabkan projek gagal untuk diteruskan. Objektif pemilihan kontraktor secara tender terhad adalah bagi memastikan hanya kontraktor yang berkelayakan dan berpengalaman sahaja yang terlibat tidak tercapai apabila syarikat yang tidak mempunyai kelayakan dipelawa menyertai tender dan seterusnya dipilih untuk melaksanakan projek.

JADUAL 5 KRONOLOGI PELANTIKAN KONTRAKTOR PROJEK STC

TARIKH	PERKARA
02.03.2012	Kementerian telah memohon kepada MOF untuk melaksanakan projek secara rundingan terus dengan syarikat Juru Bena Tenaga S/B tetapi tidak diluluskan dan perlu dilaksanakan secara tender terbuka pra kelayakan.
05.07.2012	- Sharikat Pembinaan Setia Jaya (SPSJ) mohon kepada Menteri Pertahanan untuk melaksanakan projek secara tender terhad. - memo Menteri Pertahanan kepada KSU Kementerian mencadangkan projek dilaksanakan secara tender terhad dengan SPSJ
14.09.2012	Kementerian mohon kelulusan MOF untuk melaksanakan projek secara tender terhad & mengemukakan 10 senarai nama syarikat termasuk SPSJ.
01.10.2012	MOF menolak permohonan Kementerian dan kekalkan projek dilaksanakan secara tender terbuka pra-kelayakan.
31.12.2012	MOF bersetuju kaedah pelaksanaan projek secara tender terhad dan menyenaraikan 10 syarikat, 5 daripada permohonan Kementerian dan 5 diputuskan oleh MOF.
28.10. 2013	Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian Tender JKR - semua kontraktor tidak layak dari aspek teknikal & kewangan.
13.11. 2013	Mesyuarat Lembaga Perolehan A tidak sebulat suara dengan pengesyoran jawatankuasa penilaian tender iaitu SPSJ sebagai petender yang layak dipertimbangkan untuk disetujui terima dan minta MOF buat keputusan muktamad.
20.12. 2013	MOF memutuskan tidak setuju dengan pemilihan SPSJ & minta tender ini ditender semula secara tender terbuka pra-kelayakan memandangkan tiada petender yang lulus semua peringkat penilaian tender.
20.12.2013	JKR minta kelulusan MOF untuk menyegerakan pelaksanaan projek ini atas dasar faktor keselamatan negara serta ruang hangar tidak mencukupi dan projek ini ditawarkan kepada kontraktor yang telah diperakukan oleh Lembaga Perolehan A,JKR.
13.01. 2014	Minit daripada Menteri Kewangan bersetuju diteruskan pemberian kontrak ini
23.01. 2014	MOF bersetuju dengan pelantikan SPSJ dan keputusan untuk tender semula pada tarikh surat MOF 20.12.2013 dibatalkan



4. Lanjutan Masa Lewat Diperakukan

Sebab-Sebab	Hasil Penemuan Audit
Lanjutan Masa Lewat Diperakukan	Kelulusan EOT perlu dibuat sebelum tamat tarikh siap projek . EOT tidak sepatutnya diluluskan selepas CNC diluluskan. Pada pendapat Audit, EOT tidak sepatutnya diluluskan selepas CNC dikeluarkan memandangkan CNC merupakan perakuan bahawa kerja tidak dapat disiapkan. Jawatankuasa penilaian EOT sepatutnya membuat keputusan sebelum tamat tarikh siap projek. CNC tidak sepatutnya dijadikan alat bagi membolehkan jawatankuasa lewat memutuskan permohonan EOT.



5. Spesifikasi dan Kualiti Kerja

Sebab-Sebab	Hasil Penemuan Audit
Kualiti Kerja Kurang Memuaskan	Kerja pembinaan yang dilaksanakan hendaklah memenuhi standard kualiti umum bagi menjamin keselamatan dan memastikan penggunaan secara optimum dapat dikekalkan secara berterusan. Lawatan Audit mendapati sebahagian binaan adalah tidak memuaskan seperti kecacatan pada permukaan dinding, Pemasangan jubin tidak kemas, rangka siling digantung pada paip servis menggunakan dawai, kerja-kerja kimpalan pada struktur besi tidak kemas (<i>spot weld</i>) serta kedudukan alatan ICT bukan di lokasi yang betul (<i>cable telefon/internet</i>). Butiran lanjut adalah seperti di gambar.



6. Rekabentuk

Sebab-Sebab	Hasil Penemuan Audit
Rekabentuk Tidak Mengikut Lukisan Arkitek	Terdapat 28 reka bentuk pembinaan yang tidak mengikut lakaran arkitek dan binaan yang tidak memuaskan telah dibangkitkan oleh perunding kepada <i>Head Of Design Team</i> (HODT) JKR. Pemeriksaan Audit mendapati 6 daripadanya telah diambil tindakan.

JADUAL 6

REKA BENTUK TIDAK MENGIKUT LUKISAN ARKITEK

BIL	PENEMUAN	ULASAN KONTRAKTOR	HASIL SEMAKAN AUDIT
1	Plinth bagi tangki air di kawasan bumbung rata di bina tidak mengikut lukisan penggunaan yang diluluskan. Penggunaan plith ini menyukarkan kerja-kerja penyenggaraan bagi tangki air tersebut.	selesai	Terdapat platform keluli telah dibina di atas plinth tersebut. Namun tiada laluan naik ke platform untuk tujuan penyenggaraan.
2	Enclosure box bagi roller shutter perlu ditukarkan kepada jenis zinalume sepertimana didalam spesifikasi yang diluluskan	dalam proses	Semakan mendapati Enclosure box bagi roller shutter yang dipasang tidak mengikut jenis yang ditetapkan.
3	Tiada kerb dibina dibahagian koridor dalaman ditingkat satu dan dua seperti dilukisan pembinaan.	selesai	Hanya ramp dibina
4	Perangkap rantai dibina secara berselang seli dibahagian tiang dan bukan pada setiap tiang seperti didalam lukisan pembinaan.	selesai	Perangkap rantai dibina secara berselang seli dan tidak mengikut lukisan pembinaan.

JADUAL 6

REKA BENTUK TIDAK MENGIKUT LUKISAN ARKITEK

BIL	PENEMUAN	ULASAN KONTRAKTOR	HASIL SEMAKAN AUDIT
5	Tiada siling dan downstand beam dibina dibahagian koridor dalaman ditingkat satu dan dua di bangunan pejabat.	dalam proses	Dalam pembinaan
6	Tiada void dibina pada bahagian bumbung rata di kawasan lobi utama seperti di dalam lukisan pembinaan.	selesai	Tiada ruang void dibina. Kontraktor menggunakan bondex slab pada bahagian atas lobi utama.
7	Tiada riser dibina di bangunan pejabat dua tingkat seperti di dalam lukisan pembinaan.	perlu ulasan	Omitted. Kerana terdapat halangan struktur besi di atasnya.
8	Kotak perangkap stainless steel (stainless steel tray) di bawah paip -paip buangan dari kawasan basah tidak dibina seperti yang telah dersetujui di dalam kontrak	ulasan	Tiada kotak perangkap dibina.
9	Perangkap rantai di kawasan garaj AGSV/E tidak dibina mengikut lukisan pembinaan	dalam proses	Aras perangkap rantai di bina tinggi dari aras lantai dan kerja pembaikan sedang dijalankan.
10	Scupper drain perlu dibina mengikut lukisan pembinaan yang telah diluluskan	dalam proses	Kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan mengikut lukisan

JADUAL 6

REKA BENTUK TIDAK MENGIKUT LUKISAN ARKITEK

BIL	PENEMUAN	ULASAN KONTRAKTOR	HASIL SEMAKAN AUDIT
11	Fascia board perlu dipasang pada bangunan rumah sampah dan stor POL seperti di dalam lukisan pembinaan	belum mula	Belum dipasang
12	Groovelines pada dinding parapet di bahagian tangki air bagi bangunan pejabat tiga tingkat perlu dibina mengikut lukisan pembinaan.	selesai	Tiada keperluan kerana kontraktor memaklumkan signboard akan diletakkan di kawasan groovelines tersebut
13	Paip-paip bagi sistem syfonic yang terdedah perlu ditutup. Namun berdasarkan kepada keadaan ditapak bina, pihak kontraktor perlu mengusulkan cadangan pembaikan terhadap perkara ini.	dalam proses	Paip syfonic ditapak adalah berwarna hitam iaitu kontra dengan warna dinding yang telah dicat.
14	Pihak kontraktor perlu mengusulkan cadangan bagi dinding treatment di kawasan rumah pam dan rumah sampah dari penggunaan brickwall ke dinding louvers.	dalam proses	Bercadang untuk memasang dinding halangan dari bahan lightweight
15	Kontraktor perlu mengusulkan cadangan pembaikan bagi system “cangkuk” pada precast slab yang menutupi longkap perimeter untuk tujuan penyenenggaraan	dalam proses	Besi cangkuk tersebut akan dipotong dan dikemaskan dengan lapping simen.
16	Pembinaan bumbung bawahan (lower Roof) bagi bumbung rata di bangunan di pejabat 3 tingkat adalah sedikit sukar dengan pembinaan paip-paip servis bagi unit penghawa dingin.	perlu ulasan	Belum dibina dan masih dalam perbincangan.

JADUAL 6

REKA BENTUK TIDAK MENGIKUT LUKISAN ARKITEK

BIL	PENEMUAN	ULASAN KONTRAKTOR	HASIL SEMAKAN AUDIT
17	Aras lantai bagi kawasan tangga keluar di kawasan bumbung rata adalah sama dengan paras lantai bumbung rata tersebut. Ini membolehkan air melimpah masuk ke kawasan tangga.	dalam proses	Aras lantai sama di kedua-dua ruang dan boleh menyebabkan limpahan air masuk ke kawasan tangga.
18	Ketiadaan bumbung rata dibangunan pejabat 2 tingkat menyukarkan kerja-kerja pembinaan dinding “fire compartment” seperti yang dikehendaki oleh pihak TUDM	dalam proses	Dalam perbincangan diantara kontraktor dan perunding
19	Pihak kontraktor masih belum mengusulkan cadangan bagi pembinaan bumbung bagi kawasan apron diluar bangunan pejabat di 2 dan 3 tingkat.	dalam proses	Kontraktor mencadangkan membina bumbung dari bahan fully carbonat canopy.
20	Pihak kontraktor sehingga kini masih belum menghantar cadangan pembaikan bagi kawasan tangga dua untuk menutup rasuk besi yang terdedah dan ketidak seimbangan ruang tangga.	belum mula	Rasuk besi terdedah di kawasan tangga. Kontraktor mencadangkan untuk box up rasuk besi yang kelihatan di kawasan tangga.
21	Pihak kontraktor perlu menghantar cadangan pembinaan bagi walkway berbumbung untuk tujuan rujukan dan kelulusan perunding Majujasa, arikitek Integra dan JKR	belum mula	Kerja-kerja belum dimulakan
22	Kontraktor perlu menghantar cadangan bagi kerja-kerja kemas untuk kerja infra di kawasan fire water tank.	belum mula	Kerja-kerja belum dimulakan



6. PEMANTAUAN

Sebab-Sebab	Hasil Penemuan Audit
Pemantauan	Tiada koordinasi antara JKR, kontraktor dan perunding menyebabkan berlaku kerja-kerja pembinaan yang tidak sempurna, tidak berkualiti dan tidak mengikut lukisan pembinaan. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Tapak telah diadakan sebanyak 25 kali dari tahun 2014 hingga bulan Jun 2016. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh JKR, kontraktor, wakil Kementerian dan perunding. Manakala Mesyuarat Teknikal telah diadakan sebanyak 2 kali yang dihadiri oleh JKR, wakil TUDM, kontraktor dan perunding manakala mesyuarat koordinasi telah diadakan sebanyak 13 kali yang dihadiri oleh Wakil Kementerian, Markas Tentera Udara Diraja Malaysia, JKR, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan, Kementerian dan Tim Projek Gong Kedak. Bagaimanapun masih berlaku kerja-kerja pembinaan yang tidak sempurna, tidak berkualiti dan tidak mengikut lukisan pembinaan disebabkan tiada koordinasi antara JKR, kontraktor dan perunding.



4) SYOR AUDIT

Pembinaan Pusat Servis Teknikal(STC) Bagi Penyenggaraan Dan Pembaikan Pesawat Sukhoi SU-30MKM Di Pangkalan Udara TUDM Gong Kedak, Terengganu

Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan pembinaan adalah disyorkan supaya Kementerian mempertimbangkan perkara berikut:

- i. Membuat penilaian teliti terhadap keupayaan kontraktor untuk melaksanakan projek pembinaan
- ii. Memastikan peraturan pentadbiran kontrak dipatuhi; dan
- iii. Memantau pelaksanaan kerja untuk memastikan kualiti kerja pembinaan yang dilaksanakan oleh kontraktor mematuhi spesifikasi dan piawaian yang ditetapkan



5) PENAMBAIKAN JABATAN SELEPAS TEGURAN AUDIT NEGARA

Isu 1: Prestasi Fizikal Tidak Memuaskan

Isu:

Prestasi kemajuan kerja pembinaan dalam tempoh 10 bulan pertama iaitu dari bulan Mac 2014 hingga bulan Disember 2014 adalah tidak memuaskan kerana kemajuan kerja hanya mencapai 3.3% berbanding sepatutnya 39.1% mengikut jadual kerja sebenar.

Maklum Balas/Tindakan Penambahbaikan

JKR telah mengambil tindakan-tindakan seperti:

- mengeluarkan surat peringatan dan amaran bertulis;
- peringatan berulang kali kepada kontraktor pada setiap kali mesyuarat tapak, mesyuarat pemantauan dan penyelarasan serta mesyuarat teknikal;
- mengeluarkan notis untuk tujuan penamatan pengambilan kerja kontraktor; dan
- mengarahkan kontraktor untuk hadir ke Work Camp yang dianjurkan oleh ICU JPM bagi memulihkan projek dari sakit.

Isu:

Prestasi kemajuan kerja mula menunjukkan peningkatan setelah projek diambil alih oleh Solar Alert Sdn. Bhd. pada 15 Januari 2015 iaitu sub kontraktor yang dilantik oleh SPSJ. Dalam tempoh 14 bulan (Januari 2015 hingga Februari 2016) kemajuan kerja telah meningkat kepada 86%. Bagaimanapun, kemajuan fizikal projek secara keseluruhannya masih mengalami kelewatan sebanyak 12% berbanding dengan jadual kerja sebenar sebanyak 98%.

Maklum Balas/Tindakan Penambahbaikan

Subkontraktor tidak mencapai peratusan kemajuan kerja sebenar yang dirancang, disebabkan faktor-faktor seperti:

- subkontraktor menghadapi cabaran merapatkan jurang pencapaiannya dengan jadual kerja sebenar kerana projek ini sememangnya telah mengalami kelewatan selama 195 hari;
- keadaan persekitaran yang di luar kawalan seperti banjir dan kecurian; dan
- proses pengambilalihan bagi memulakan kerja yang memakan masa.

Isu 2: Pelantikan Kontraktor Yang Tidak Layak Dan Mempunyai Masalah Kewangan

Isu:

Kesemua petender yang dipelawa menyertai projek pembinaan STC secara tender terhad tidak layak kerana gagal semua peringkat penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian Tender. Lima petender yang gagal di peringkat penilaian pertama adalah dari aspek kesempurnaan tender yang merupakan perkara asas dalam penilaian tender. Selanjutnya bagi penilaian peringkat kedua, didapati SPSJ tidak mempunyai pengalaman kerja berkaitan dengan projek pembinaan infrastruktur bagi penyenggaraan pesawat.

Maklum Balas/Tindakan Penambahbaikan:

Pelantikan kontraktor SPSJ telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan (MOF) melalui surat bertarikh 23 Januari 2014 setelah mempertimbangkan justifikasi permohonan oleh JKR.

Isu 3: Lanjutan Masa Lewat Diperakukan

Isu:

Kontraktor telah mengemukakan permohonan EOT kedua pada 13 Januari 2016. Sehingga ke tarikh tamat kontrak pada 21 Januari 2016, didapati tiada EOT diluluskan oleh pihak JKR. Ini membawa maksud alasan yang diberi oleh kontraktor tidak dipertimbangkan. Oleh itu, JKR telah mengeluarkan CNC kepada kontraktor pada 20 Januari 2016 dengan denda ganti rugi dikenakan sejumlah RM12,927 sehari. Pihak JKR telah mempertimbangkan semula permohonan EOT daripada kontraktor dan seterusnya meluluskan EOT kedua pada 28 Januari 2015 selepas CNC dikeluarkan.

Maklum Balas/Tindakan Penambahbaikan:

Kontraktor telah lewat mengemukakan permohonan EOT No. 2 iaitu pada 13 Januari 2016 (lapan hari sebelum tarikh tamat EOT No. 1) dan permohonan tersebut didapati tidak lengkap. Bagi mengelakkan berlakunya 'Time at Large' selepas EOT No.1, JKR perlu mengeluarkan CNC pada tarikh tamat kontrak.

Isu 4: Kerja Pembinaan Tidak Mengikut Lukisan Kerja

Isu:

Terdapat 28 reka bentuk pembinaan yang tidak mengikut lukisan kerja dan binaan yang dibuat tidak memuaskan telah dibangkitkan oleh perunding kepada Head Of Design Team (HODT) JKR.

Maklum Balas/Tindakan Penambahbaikan:

Semua 28 kerja kecacatan yang dibangkitkan telah dibuat pembaikan.

**SEKIAN, TERIMA
KASIH**

